

# JAMUAN HARI RAYA UiTM

## CAWANGAN PULAU PINANG

Disediakan oleh: Wan Zarina Wan Kamaruddin

**17 JUN** 2019, bersamaan **13 SYAWAL** 1440H, staf Jabatan Sains Gunaan telah turut serta meraikan

majlis sambutan hari raya peringkat kampus UiTM Cawangan Pulau Pinang. Majlis yang dianjurkan oleh pihak pengurusan tertinggi UiTM CPP ini melibatkan kerjasama kesemua fakulti, jabatan dan bahagian. Setiap fakulti, jabatan dan bahagian telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan menu terpilih serta menghiasi reruai yang dihaskan mengikut kreativiti masing-masing.

Jabatan Sains Gunaan, diwakili oleh Puan Nur Maizatul Azra di dalam jawatankuasa penganjur telah bertindak sebagai perancang dalam menyediakan juadah dan menghiasi reruai jabatan. Hidangan roti jala dan kari ayam yang enak daripada Jabatan Sains Gunaan telah mendapat sambutan ramai ketika majlis berlangsung. Suasana meriah hari raya dengan pelbagai sajian juadah dan aneka kuih muih dapat dinikmati oleh setiap hadirin. Selain daripada menjamu selera, majlis seumpama ini telah dapat mengukuhkan jalinan silaturahim dan semangat kerjasama di antara staf UiTM Cawangan Pulau Pinang.

### SELAMAT HARIRAYA AIDIL FITRI

### MAAF ZAHIR DAN BATIN

